

UPM diarah rombak kurikulum

Oleh Norliza Wasilan

PUTRAJAYA: Kerajaan mengarahkan Universiti Putra Malaysia (UPM) menyusun semula kurikulumnya supaya kursus dan program yang ditawarkan menumpukan kepada pengajian dan pembangunan pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata arahan itu dikeluarkan pada mesyuarat Kabinet minggu lalu selepas beliau mencadangkan fungsi universiti berkenaan dikaji semula.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata, kementerianya dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi akan mengadakan perbincangan dengan Naib Canselor serta pihak pengurusan universiti bagi melaksanakan keputusan kerajaan itu.

Beliau berkata, perubahan struktur pengajian di UPM kembali kepada asas pertanian selaras penekanan dan dasar kerajaan yang menjadikan sektor itu

bukan saja penyumbang utama ekonomi negara tetapi sumber kekayaan baru negara.

"Jadi, kita akan merangka pelan pendidikan pertanian yang sesuai. Pengurusan universiti mungkin mengatur balik format pembelajaran yang harus kita utamakan, termasuk peringkat teknologi dan subsektor pertanian yang boleh dibangunkan," katanya selepas merasmikan Agrobazar Putrajaya, di Taman Warisan Pertanian Putrajaya, di sini semalam.

Agrobazar Putrajaya menarik minat orang ramai, warga Putrajaya dan sekitar Lembah Klang dengan pelbagai jualan seperti tanaman dan buah-buahan, bengkel serta pameran.

Matlamat utama Agrobazar bagi mewujudkan jaringan kerjasama erat Perbadanan Putrajaya dan agensi Kementerian Pertanian, agensi kerajaan lain serta pihak swasta berkaitan.

Muhyiddin berkata, selepas UPM berubah wajah daripada sebuah kolej pertanian kepada universiti, UPM tidak lagi menja-

dikan pertanian sebagai asas kurikulum pengajian.

Berikutan keputusan itu, negara akan mempunyai sekurang-kurangnya satu universiti yang mempunyai program utama yang berasaskan pertanian.

"Ia bukan saja membabitkan aspek masalah pertanian tetapi juga teknologi dan kejuruteraan pertanian. Dengan ini, anak muda akan berminat menjadi petani, bukan petani biasa tetapi petani moden," katanya.

Beliau berkata, langkah itu selaras hasrat kerajaan membangunkan bidang pertanian dengan mengetengahkan golongan pelapis, terutama generasi baru supaya menceburi bidang pertanian.

"Biasanya petani di negara ini berumur 50 tahun dan masih boleh bekerja, tetapi kita mahu barisan pelapis di kalangan generasi muda yang akan terus melihat pertanian sebagai sumber hidup berkarisma dan yang membolehkan mereka memperoleh pendapatan yang baik," katanya.

26 JUN 2004
BERITA HARIAN



MUHYIDDIN berduet bersama Abi Musa pada majlis malam media anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Kuala Lumpur, malam tadi. - Gambar oleh Halim Mat Ali

Kementerian anjur Anugerah Kewartawanan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menganjurkan Anugerah Kewartawanan bagi penulisan berkaitan bidang itu mulai tahun depan, kata Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, anugerah terbahagi kepada tujuh kategori meliputi media cetak dan elektronik, termasuk kategori wartawan individu terbaik-penulisan (penyelidikan dan pembangunan), penulisan berita dan rencana, jurugambar media cetak dan organisasi media terbaik.

"Anugerah adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada semua media massa yang membuat liputan meluas bagi program kementerian dan

melaporkan kepada masyarakat mengenai kemajuan serta potensi sektor pertanian," katanya pada majlis malam media anjuran kementerian itu di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor; Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd (BHBSB), Hishamuddin Aun dan Pengurus Besar Komunikasi dan Pemasaran Editorial Kumpulan New Straits Times Press (M) Bhd, Datuk Ahmad Talib.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata, satu panel hakim akan dibentuk terdiri daripada wakil kementerian, ahli profesional yang mempunyai pengalaman dalam bidang pertanian serta pengamal media.